



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880962
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2(49)


Tarikh: 22 Februari 2011

SIARAN MEDIA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PANDANG SERIUS KEBAKARAN YANG DISENGAJAKAN

PUTRAJAYA 22 Februari 2011 – Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM) memandang serius kes-kes kebakaran yang disengajakan (*incendiary fire*) menyebabkan tugas untuk melakukan penyiasatan kebakaran menjadi semakin sukar. Kebakaran yang dirancang bukan sahaja telah memusnahkan bahan bukti tetapi sebagai salah satu strategi untuk mengelirukan pegawai penyiasat dalam menjalankan tugas.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata demikian ketika majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) antara JBPM dengan Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini. JBPM diwakili oleh Dato’ Wan Mohd. Nor bin Hj Ibrahim, manakala Profesor Dato’ Ir. Dr. Hassan Basri, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), Universiti Kebangsaan Malaysia mewakili UKM.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

“Pendekatan yang diambil oleh JBPM ialah dengan menggunakan amalan-amalan antarabangsa atau kaedah saintifik (scientific method) sekaligus berkemampuan mewujudkan *‘prima facie’* dalam perbicaraan kes di mahkamah” katanya sini hari ini.

Menurut Wan Mohd Nor, berdasarkan statistik penyiasatan kebakaran struktur bagi tahun 2010, sejumlah 298 atau 8% dari 3,766 kes kebakaran struktur dikaitkan dengan punca ‘sengaja bakar’.

“Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai kekerapan kes yang tinggi iaitu sebanyak 80 kes manakala kategori premis kediaman iaitu sebanyak 146 kes” Tambahnya lagi.

Beliau berkata, kes-kes ‘sengaja bakar’ akan dibawa kepada perhatian pihak polis untuk siasatan lanjut dan pendakwaan.

Beliau juga menambah bahawa objektif memorandum ini adalah untuk menyediakan kursus jangka pendek dan jangka panjang akan memberi ruang yang luas kepada pegawai bomba dan orang perseorangan serta agensi-agensiseperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kimia Malaysia atau syarikat insurans untuk melahirkan tenaga pakar serta diiktiraf terutamanya dalam bidang forensik kebakaran.

Selain itu juga, ia dapat menghasilkan kurikulum baru forensik kebakaran yang lebih dinamik mengikut kesesuaian dan keperluan semasa berdasarkan kepentingan kedua-dua pihak dalam melahirkan pegawai-pegawai yang lebih kompeten.

Tambahnya, penyelidikan yang bersepadu antara kedua-dua pihak untuk menjadikan bidang forensik di Malaysia setanding dengan kemajuan forensik antarabangsa seterusnya boleh dijadikan sebagai bahan rujukan oleh badan-badan profesional di dalam dan luar negara.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tel+60388880036, Faks: +60388880840; Emel: korporat@bomba.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sobberi Basiran, PKP Pengurusan Korporat sobberi_64@bomba.gov.my; sobberi_64@yahoo.com atau Encik Mohd Azmi Abd Majid di talian 038880036 ext. 325/017-6826205 atau emel m.azmi@bomba.gov.my, pegawai penerangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM).